



**FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)**

COURSE CODE / NAME:

GKD 2134 / THEATRE MANAGEMENT

LECTURER:

ENCIK MADZLAN ABET

TITLE OF ASSIGNMENT:

ASSIGNMENT 1: PROPOSAL THEATRE COMPANY STARTUP
SIMULATION

NAME / STUDENT ID:

DAYANA BATRISIYA BINTI JEMAN / 83613

PROGRAM / GROUP:

UW6212002/ IJAZAH SARJANA MUDA DALAM DRAMA DAN TEATER

DATE OF SUBMISSION:

19 MEI 2024

1.0 Konsep Syarikat dan Branding

Syarikat The Life Flame merupakan sebuah syarikat teater yang ditubuhkan pada tahun 2024. Syarikat ini adalah sebuah entiti baharu yang ditubuhkan dengan matlamat untuk memperkasakan landskap seni persembahan di Malaysia. Syarikat ini berkonsepkan Kes Penderaan Seksual Terhadap Kanak- Kanak (*Child Sexual Abuse*). Syarikat ini bertujuan mendidik dan menyebarkan kesedaran dan menginspirasi perubahan dalam sikap, pemahaman serta tindakan masyarakat terhadap isu yang mustahak ini.

1.1 Objektif Syarikat

Objektif utama syarikat teater yang berkonsepkan pencegahan dan kesedaran mengenai kes penderaan seksual terhadap kanak- kanak adalah seperti berikut:

- a) Meningkatkan kesedaran tentang isu penderaan seksual kanak- kanak.
- b) Memupuk Kemahiran dan bakat kepimpinan sebagai pihak pengurusan.
- c) Membuka peluang pekerjaan dan menjana pendapatan siswa dan siswi.

1.2 Visi

The Life Flame menggunakan platform yang mempromosikan produk- produk teater yang meningkatkan kesedaran tentang kes penderaan seksual terhadap kanak- kanak (*Child Sexual Abuse*) dan membina komuniti individu yang bermaklumat dan proaktif.

1.3 Misi

Misi syarikat ini adalah untuk menguruskan Syarikat yang membawa kesedaran tentang kes penderaan seksual terhadap kanak- kanak secara berkesan dan efisien. Turut berkomitmen dan mempromosikan produk- produk yang berkaitan dengan kesedaran kes penderaan seksual terhadap kanak- kanak melalui pendekatan pengurusan yang profesional dan inovatif.

1.4 Logo



Gambar 1: Logo Syarikat The Life Flame

Penciptaan logo Syarikat The Life Flame dalam gambar tersebut dicipta berasaskan penderaan seksual kanak-kanak dengan fokus kepada elemen-elemen berikut:

1.Flame (Api):

Simbol Harapan dan Kehidupan: Api dalam logo ini boleh mewakili harapan dan semangat yang tidak pernah padam dalam usaha melindungi kanak-kanak dan memperjuangkan hak mereka. Ia juga boleh mencerminkan api kesedaran yang dinyalakan dalam masyarakat untuk mencegah penderaan seksual.

Transformasi dan Penyembuhan: Api sering kali dikaitkan dengan proses transformasi dan penyembuhan, melambangkan usaha syarikat dalam memulihkan mangsa penderaan dan memberikan mereka kehidupan baru yang lebih baik.

2.Handprint (Jejak Tangan):

Keselamatan dan Perlindungan: Jejak tangan dalam api menunjukkan perlindungan dan keselamatan. Ini menggambarkan tangan yang melindungi kanak-kanak dari bahaya dan memberikan rasa aman.

3.Warna:

Merah: Warna merah dalam logo melambangkan kecemasan dan kepentingan isu penderaan seksual kanak-kanak, mendorong tindakan segera dan perhatian. Ia juga

melambangkan keberanian dan determinasi dalam memperjuangkan hak kanak-kanak.

Biru: Warna biru boleh melambangkan ketenangan dan penyembuhan, serta kepercayaan dan

keselamatan yang diusahakan untuk mangsa.

2.0 Pelan Perniagaan

Syarikat The Life Flame merupakan sebuah syarikat teater yang berfokus pada penghasilan dan persembahan dalam mementaskan sesebuah teater. Berikut adalah strategi pembiayaan pengurusan bajet dan pengeluaran pendapatan.

2.1 Strategi Pembiayaan

2.1.1 Yuran Keahlian

Pengurus Kewangan Syarikat ini akan mengutip wang yang berjumlah RM100 kepada setiap ahli produksi yang terlibat dalam penghasilan aktiviti teater. Wang tersebut akan diguna pakai sepanjang proses Latihan teater sama ada digunakan untuk membeli barang kostum, set, dan sebagainya.

2.1.2 Kerjasama dengan pihak Universiti

Pengerusi ataupun Pengurus Projek akan menghasilkan satu proposal berkenaan dengan penghasilan teater yang akan dipentaskan. Melalui kertas kerja yang diolah, syarikat akan memperoleh sokongan kewangan dari pihak Universiti melalui dan projek atau bantuan bagi aktiviti kebudayaan.

2.1.3 Melalui tajaan perniagaan

Melalui kertas kerja tersebut, ia boleh digunakan bagi mencari sebarang dana di mana- mana perniagaan di luar yang berminat dalam menyokong perkembangan seni serta budaya dalam kalangan pelajar.

2.2 Pengurusan bajet

2.2.1 Penentuan bajet awal.

Pengurus projek Syarikat The Life Flame perlu menetapkan bajet awal dalam kertas kerja untuk setiap projek atau pertunjukkan berdasarkan anggaran kasar kos yang diperlukan untuk pengurusan produksi, kos pementasan dan promosi.

2.2.2 Pengawalan perbelanjaan

Pengurus kewangan syarikat memainkan peranan dalam memantau perbelanjaan secara berterusan semasa proses perancangan dan pelaksanaan setiap projek. Pengurus kewangan akan menyemak dan menilai setiap perbelanjaan untuk memastikan ia berada dalam batas bajet yang telah ditetapkan.

2.2.3 Prioriti kos

Pengurus Kewangan syarikat perlu memberi keutamaan kepada perbelanjaan yang berkaitan dengan aspek utama produksi seperti set, kostum, pencahayaan dan peralatan bunyi.

2.2.4 Penggunaan Sumber Dalaman

Menggunakan sumber dalaman seperti kemudahan dan peralatan universiti dengan berkesan untuk mengurangkan kos pengeluaran. Memanfaatkan bakat dan kepakaran dalam kalangan pelajar untuk menyediakan perkhidmatan secara dalaman, seperti rekaan grafik, pengurus media sosial, atau pemain muzik.

2.2.5 Perundingan Kos

Berunding dengan pembekal, kontraktor, atau penaja untuk mendapatkan penawaran terbaik bagi perkhidmatan dan barang yang diperlukan serta mencari alternatif atau penawaran yang lebih murah tanpa mengorbankan kualiti.

2.2.6 Pengurangan Kos Tidak Perlu

Mengenal pasti dan menghapuskan perbelanjaan yang tidak perlu atau berlebihan. Menyemak semula rancangan dan strategi untuk mencari cara untuk mengurangkan kos tanpa mengorbankan kualiti atau kesan.

2.3 Pengeluaran pendapatan

2.3.1 Jualan Tiket Pertunjukan:

Menawarkan tiket pertunjukan dengan harga yang berpatutan kepada pelajar dan masyarakat umum. Menawarkan diskaun kepada pelajar universiti sebagai

insentif untuk menyertai pertunjukan.

2.3.2 Jualan Barangan:

Menjual barangan berkaitan teater seperti rekaan t-shirt, beg, atau barang kraf yang dihasilkan oleh pelajar atau syarikat. Jualan barangan dapat diadakan semasa pementasan teater diadakan.

3.0 Visi Artistik

Dari segi visi artistik Syarikat The Life Flame adalah meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu penderaan seksual terhadap kanak-kanak melalui medium teater yang berkesan serta emosional dan mendidik. Dengan menggunakan pendekatan teater sebagai alat perubahan sosial, syarikat kami bertujuan untuk memberi suara kepada mangsa, mendidik masyarakat dan menginspirasi tindakan untuk pencegahan dan sokongan.

3.1 Teater yang bakal berlangsung

Teater yang bakal berlangsung adalah “Secret Survivor” yang diarahkan oleh Puan Syarafina pada bulan Julai nanti. Teater ini merupakan sebuah teater yang memberi Pendidikan kepada masyarakat berkenaan dengan kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak serta memberitahu hal berkenaan dengan sentuhan selamat dan tidak selamat. Selaras dengan visi, tujuan teater ini dipentaskan, untuk memberi kesedaran dan menyampaikan pengetahuan dan memberi penekanan maksud kepada ibu bapa dan orang luar mengenai bahayanya gangguan seksual terhadap kanak-kanak sehingga boleh menyebabkan trauma kepada kanak-kanak.

3.2 Keselarasan dengan visi artistik

Melalui pementasan teater “Secret Survivor” ini, dapat meningkatkan kesedaran dan memberi Pendidikan kepada semua masyarakat melalui penceritaan dan interaksi antara pelakon dan penonton. Pementasan ini turut menggalakkan empati dan tindakan daripada penonton melalui pengalaman teater yang mendalam dan emosional. Dengan menggunakan platform teater sebagai alat pencegahan serta memberi kesedaran, akan

dapat melaksanakan perubahan sosial yang berkesan.

4.0 Pembinaan Technical (Technical Setup)

Bagi memastikan pengeluaran produk teater yang berkesan dan professional, Syarikat The Life Flame memerlukan infrastruktur teknikal yang mencukupi termasuk lokasi, teknologi panggung infratraktur yang diperlukan.

4.1 Lokasi tempat.

Lokasi tempat latihan untuk teater “Secret Survivor” arahan Puan Syarafina, dijalankan di Studio Tari Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) UNIMAS. Teater ini akan dipentaskan di Panggung Eksperimental Teater (FSGK) UNIMAS pada bulan Julai nanti.

4.2 Teknologi Panggung

Pementasan teater “Secret Survivor” memerlukan sistem pencahayaan iaitu lampu pentas dengan menggunakan konsol pencahayaan bagi mengawal pelbagai lampu dan kesan pencahayaan dengan tepat. Pementasan ini juga turut menggunakan sistem bunyi melalui pembesar suara untuk menghasilkan bunyi yang jelas diseluruh ruang teater. Konsol bunyi turut digunakan untuk mengawal tahap bunyi serta kesan audio. Selain itu, sistem visual turut digunakan, seperti projektor dan skrin untuk tayangan multimedia atau latar belakang visual.

4.3 Ahli produksi yang terlibat.

Dalam pementasan teater “Secret Survivor” arahan Puan Syarafini ini, ahli produksi yang terlibat adalah Pengurus Projek, Pengurus Produksi, Pengurus Pentas, Unit Audio, Unit Pencahayaan, Unit Set dan prop, Unit kostum dan Tatarias, Unit kebajikan, Unit Pemasaran dan Publisiti dan Unit FOH.

5.0 Strategi Pemasaran

Strategi pemasaran yang berkesan adalah kunci untuk memastikan kejayaan Syarikat The Life Flame. Berikut adalah strategi pemasaran yang digunakan oleh syarikat untuk

mempromosikan dan menarik minat penonton untuk menonton teater:

5.1 Penonton sasaran

Pementasan teater yang dipentaskan oleh syarikat kami adalah dalam golongan pelajar dan belia yang berada di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), kelab kebudayaan, peminat teater, kanak-kanak dan ibu bapa.

5.2 Saluran promosi

Mempromosikan sebuah teater hendaklah mempunyai laman web yang informatif dan menarik dengan jadual pementasan, penjualan tiket serta maklumat syarikat. Untuk Syarikat The Life Flame, kami telah membuat Website syarikat tersendiri serta, Tiktok, Instagram, Twitter dan Facebook untuk memberitahu masyarakat berkenaan dengan kewujudan syarikat dan teater yang bakal dipentaskan.

5.3 Promosi tempatan

Pengurus pemasaran Syarikat The Life Flame juga turut berperanan dalam menyebarkan poster dan flyers dimana-mana tempat, bukan sahaja di Universiti, malah dimana-mana pusat perniagaan. Kami juga menawarkan tiket dengan harga diskaun untuk pelajar, kanak-kanak dan warga emas